

Pa d u k a O e D i P u s

A R A H A N

Zahim Albakri

K A R Y A

Sophocles

T E R J E M A H A N

Rendra

A L I H K E B A H A S A M E L A Y U

Samoza

T A R I K H

13 - 18 April 1996

M A S A

8.30 Malam

T E M P A T

*Panggung Eksperimen (ET)
Kompleks Budaya Negara*

A N J U R A N


AKADEMI SENI KEBANGSAAN

*dengan kerjasama
Panggung Negara*



**KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, KESENIAN
DAN PELANCONGAN
MALAYSIA.**

Dangem dalam



Paduka Oedipus merupakan pementasan sulung Jabatan Teater, Akademi Seni Kebangsaan ke khalayak ramai bagi Sessi Akademik 1995/96. Sebelum ini segala bentuk persembahan hanya dipentaskan di dalam pentas Akademi Seni Kebangsaan sahaja sebagai satu persediaan asas sebelum menghadapi kelompok khalayak yang sebenar. Kini, dengan mempertaruhkan bakat, kebolehan serta ilmu yang baru berusia 2 tahun, para pelajar mengorak langkah keluar dari gelanggang sendiri, menangani dan berdepan segala bentuk cabaran dan kritikan untuk menghalusi dan mendalami lagi erti kesenian dan keilmuan.

Objektif



- Mewujudkan satu ruang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan segala bentuk pembelajaran secara lebih efektif dan praktikal.
- Mengupas idea dari skrip ke pentas.
- Mendedahkan setiap pelajar kepada sistem kerja yang lebih profesional bagi satu-satu produksi.
- Mengenalkan para pelajar dengan lebih dekat mengenai disiplin dalam teater melalui proses latihan hingga ke peringkat pementasan.
- Sebagai satu latihan untuk membiasakan pelajar berhadapan dengan kelompok audien yang lebih besar.
- Satu proses bagi para pelajar menimba ilmu dan pengalaman yang lebih efektif.
- Sebagai satu usaha pendokumentasian kerja-kerja seni pentas untuk dijadikan bahan rujukan pembelajaran.

Kata-Kata Aluan



Menjelang 2020, saya merasa optimis dengan perkembangan kesenian terutamanya persembahan-persembahan teater yang telah pun dapat menarik minat khalayak sejak kebelakangan ini. Kerancangan persembahan teater sejak dahulu hingga masa kini telah mendorong pihak Kementerian memberi ruang dan peluang kepada penggiat teater dan para seniman memperlihatkan bakat serta hasil karya mereka yang bermutu.

Pihak Kementerian amat mengalu-alukan dan merasa bangga dengan perkembangan teater masa kini bagi tujuan mengisi tempat di Panggung Negara khususnya dan lain-lain kawasan pentastan amnya.

Hasrat para pelajar Akademi Seni Kebangsaan untuk mementaskan "PADUKA OEDIPUS" patut diberi perhatian dan sokongan berpanjangan bagi memenuhi aktiviti kesenian di masa-masa akan datang. Akhir sekali saya berharap, usaha seperti ini dapat diteruskan untuk memartabatkan kesenian dan kebudayaan negara di mata masyarakat.

Sekian.

Ikhlas,


DATO' SABBARUDDIN CHIK
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Malaysia.


Sekapur Sirih



Akademi Seni Kebangsaan adalah sebuah institusi kesenian yang memberi latihan secara formal dan berilmu bagi menyokong usaha-usaha pembangunan kesenian. Kemantapan pembangunan kesenian pula hanya akan dapat dicapai sepenuhnya melalui pengembelian tenaga dan kerjasama dari semua pihak samada kerajaan, swasta, korporat dan masyarakat keseluruhannya. Cita-cita dan hasrat murni ini akan terkabul melalui sokongan yang tidak berbelah bagi kepada pelapis-pelapis seni yang bakal menampung kegiatan kesenian negara akan datang.

Satu hal yang penting melalui "PADUKA OEDIPUS" adalah proses pembelajaran yang ditempuhi oleh pelajar-pelajar di sepanjang pembikinan pentastan telah memberikan suatu pengalaman berharga buat mereka.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Teater atas inisiatif mempertaruhkan "PADUKA OEDIPUS" sebagai projek tahunan pertama untuk tontonan khalayak.


DATUK ISMAIL ADAM
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan
Malaysia.

Seulas Pinang



PADUKA OEDIPUS pementasan adaptasi dari "OEDIPUS REX", teater tragedi karya klasik Sophocles adalah teater dunia dari Greek. Pementasan ini memberi kesempatan kepada segenap pelusuk pencinta seni menjadi saksi sejauh mana kemampuan Akademi menangani karya agung ini. Pelbagai pihak pula ternanti-nanti bakal corak pentas yang diwarnai oleh generasi muda yang bersandarkan bakat dan ilmu yang baru bertatih.

Kesungguhan pelajar-pelajar Jabatan Teater, Akademi Seni Kebangsaan dengan penglibatan dalam pelbagai program kesenian sama ada di dalam mahupun di luar Akademi menyumbangkan kredit dalam usaha mementaskan "PADUKA OEDIPUS". Pengalaman ini membantu mereka untuk menyelongkar penyakit sosial sezaman seperti kekuasaan, penderaan dan kekeluargaan yang masih meruntun ketidaktentuan noktahnya. Isu global ini terus-terusan berligar dalam ruang lingkup kehidupan yang tidak mengenal zaman. Sophocles telah membangkitkan isu ini pada abad ke 5 Sebelum Masihi lagi. Kehangatan isu ini muncul lagi dalam arus pemodenan sekarang. Pasti fenomena ini dijadikan renungan dan pengajaran untuk kita memahami dan mengenal masyarakat sedunia, setempat dan diri kita sendiri.

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Syabas, kepada produksi "PADUKA OEDIPUS".

DATO' TENGGU ALAUDIN TENGGU ABDUL MAJID
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
merangkap
Pegawai Akademi Seni Kebangsaan.

Sumbangsih Penerbit



Hampir dua tahun telah berlalu bilamana Akademi Seni Kebangsaan (ASK) buat pertama kali pada 7 Julai 1994 membuka pintu kepada pelajar untuk program diploma selama empat tahun. Kini di-pertengahan jalan tersebut, pelajar-pelajar telah mula menampakkan sinarnya.


Pementasan PADUKA OEDIPUS merupakan produksi sulung pelajar tahun 2 Jabatan Teater. Proses penyediaan ke arah pementasan ini memberi pengalaman berharga untuk memantapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran di ASK. Melalui bimbingan para pensyarah, teori dan kerja kursus di studio diangkat menjadi usaha praktikal. Ilmu dan kreativiti menjadi satu, skrip dan stail pementasan berbeza menjadi wadah kepelbagaian pengalaman.

Banyak pihak telah menghulur bantuan bagi menjayakan pementasan PADUKA OEDIPUS. Kerjasama ini mencerminkan hasrat dan komitmen menyeluruh dari masyarakat pencinta seni seterusnya menjadi pendorong ke arah kecemerlangan kreativiti bagi pelapis muda untuk menangani cabaran akan datang. Terima kasih dari seluruh kerabat ASK kepada tenaga pensyarah, khususnya Encik Zahim Albakri, juga pensyarah dan pelajar-pelajar Diploma Fotografi ITM Shah Alam. Sekalung penghargaan kepada pihak media-massa yang sejak penubuhan ASK telah memberi sokongan padu kepada perjuangan institusi ini. Penghargaan yang tidak terhingga kepada Panggung Negara kerana memberikan ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar. Syabas kepada pelajar-pelajar teater tahun 2 yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi sepanjang penglibatan menjayakan PADUKA OEDIPUS dan semua pelajar ASK yang turut membantu dari segi tenaga dan sokongan moral.

Harapan saya, para penonton akan dapat melihat pementasan ini dengan hati yang terbuka. Sesungguhnya PADUKA OEDIPUS merupakan langkah permulaan untuk perjalanan yang lebih jauh.

NORLIZA ROFLI
Pendaftar
Akademi Seni Kebangsaan

Prolog Pengarah Paduka Oedipus



Ketika diminta mengarahkan "PADUKA OEDIPUS" untuk para pelajar tahun 2 Jabatan Teater, saya menganggap ini suatu tanggungjawab yang mencabar memandangkan penglibatan saya yang masih baru dengan Akademi Seni Kebangsaan sebagai guru Lakonan mereka. Bermula dari latihan-latihan di studio bersama mereka, perbincangan, pembelajaran teori dan praktikal, peperiksaan lakonan dan segala yang berkaitan dengan dunia teater, saya berkeyakinan penuh bahawa para pelajar ini boleh memberikan kerjasama yang baik bagi pementasan ini.

Tentang teks "PADUKA OEDIPUS", saya dapati ianya sebagai sebuah teks istimewa yang mempunyai keindahan tersendiri yang boleh ditelek secara tersurat dan tersirat, walaupun ianya berkisah tentang perjalanan hidup yang pahit dari watak-watak yang membawakan lakon deritanya. Atas keistimewaan yang terbilang inilah, maka "OEDIPUS REX" terus menjadi pilihan dan bahan kaji tokoh-tokoh lakon. Dan saya memulakan kerja "PADUKA OEDIPUS" dengan tanpa apa-apa 'senjata' kecuali mencuba dan terus mencuba sesuatu yang baru setiap kali waktu latihan.

Setelah melalui waktu-waktu latihan selama lebih kurang dua bulan, kegigihan dan kesabaran para pendukung watak termasuk korusnya dan juga semua petugas yang terlibat, saya ingin mengucapkan rasa terima kasih sehingga terbinanya hasrat untuk mementaskan "PADUKA OEDIPUS". Kelemahan tetap ada di mana-mana yang menjadi lingkungan saya seorang. Namun kelemahan inilah kekuatan dan titik tolak bagi saya untuk meneruskan pementasan teater terutamanya dalam Bahasa Melayu di masa-masa yang akan datang. Insya Allah.


Yang benar,

Zahir Akbarri
ZAHIM AKBARRI

Mengenai

Skrip

Paduka Oedipus



Penulis Asal Paduka Oedipus

Paduka Oedipus asalnya ialah King Oedipus tulisan Sophocles (496sm - 406 sm). Beliau adalah seorang penulis, pelakon, ketua masyarakat, duta dan juga paderi semasa Athens mencapai zaman keemasannya di Greek. Beliau telah menulis lebih daripada 120 karya di mana hanya tujuh sahaja yang terselamat iaitu *Ajax* (450-440sm.), *Antigone* (441sm.), *King Oedipus* (430-425sm.), *Electra* (418-410sm.), *Trachiniae* (413sm.), *Philoctetes* (409sm.) dan *Oedipus at Colonus* (406sm.). Menyertai 24 pertandingan drama dan sentiasa mendapat tempat teratas dan kedua. Dia juga memulakan penggunaan "painting scene" yang membawa kehidupan sebenar ke pentas teater. Seringkali cerita-ceritanya memperkenalkan orang bangsawan sebagai hero yang tiada cacat celanya tetapi terpaksa mengalami krisis dalam jiwa yang mencabar undang-undang kemanusiaan sebenar. Aristofle menganggap King Oedipus sebagai karya tragedi Greek yang terbaik. Melalui King Oedipus, Sophocles mengemuka ceritanya dengan memberi penjelasan yang berhati-hati terhadap tindak tanduk wataknya. Babak dibina dengan penuh suspen membawa kepada klimak. Aksinya jelas dan logik. Puisinya cantik lagi hening. Tiada visual yang panjang berleret kesannya. Keberkesanan cerita ini terpaksi kepada aksi dramatik yang tersendiri.

Konsep Tragedi Greek

■ Cerita:

Menampilkan cerita atau aksi yang berat atau serius di atas pentas. Melahirkan perasaan belas kasihan dan ketakutan di kalangan penonton tetapi dihapuskan dengan sebab dan akibat yang dapat diterima oleh penonton sebagai satu kejadian yang tidak dapat dielakkan. Heronya mungkin mengalami "Hamatia" (missing the mark) dengan kelemahan tragik (tragic flaw) seperti cemburu atau zalim. Silap membuat keputusan dan menjadi mangsa kepada dunia yang kacau bilau.

■ Ciri-ciri tragedi:

1. Watak sikit
2. Aksi satu sahaja
3. Jangkamasa pendek (kejadian berlaku satu hari sahaja)
4. Bermula di kemuncak aksi (hampir kepada klimak)
5. Watak-watak ditunjukkan sedang mengalami penderitaan.

■ Struktur:

1. PROLOG : Adegan pembukaan yang ditentukan aksi dan memberi penerangan mengenai latar
2. PARADOS : Syair yang dinyanyikan oleh korus
3. EPISOD 1 : Watak-watak dipertemukan (plot/aksi bermula)
4. CHOROUS ODE : Syair pujaan oleh korus
5. EPISOD 2 : Lakonan seterusnya
6. SYAIR PUJAAAN
7. EPISOD 3
8. SYAIR PUJAAAN
9. EXODOS : Adegan terakhir di mana semua watak keluar daripada pentas

Tema Paduka Oedipus

Manusia tidak dapat melawan takdir. Pelarian bukan satu penyelesaian. Oedipus seorang anak raja diramalkan akan membunuh bapa dan mengahwini ibunya. Bagi mengelak kejadian itu ibubapanya membuang dia ke hutan. Dia diselamatkan oleh seorang gembala dan menjadi anak dalam istana semula bila dijadikan anak angkat oleh Raja Corinth. Perlariannya berlaku lagi bila tidak tahan mendengar ejekan orang bahawa dia hanyalah anak angkat. Dia sampai ke Delphi dan diangkat menjadi Raja. Sekali lagi Oedipus menjadi orang istana. Tetapi tidak bahagia juga kerana terpaksa berdepan dengan masalah negara akibat perbuatannya mengahwini bekas isteri Raja Delphi yang dibunuhnya. Tanpa disedari bahawa yang dibunuh itu adalah bapanya dan yang dikahwininya adalah ibunya. Inilah yang dikatakan tragedi. Satu kesempurnaan yang tidak tercapai walaupun seseorang itu layak mendapatnya.

Oedipus juga membawakan tema penyakit masyarakat yang tidak pernah selesai seperti percayakan ramalan, mencurigai sesama manusia dan sistem kekeluargaan yang menyalahi hukum dan adat. Keanekan anak mengahwini ibunya menyamaj isu sosial masa kini di mana ada sebahagian anggota masyarakat yang tidak menghiraukan lagi ikatan kekeluargaan. Bapa mahu pun datuk merogol anak atau cucu, adik beradik berzina bagaikan satu pengulangan peristiwa yang tidak pernah serik diperlakukan. Peristiwa sebegini perlu diperhatikan dan diambil iktibar untuk dihindari dan manusia sewajibnya kembali kepada ajaran agama serta mengamalkan sistem sosial yang murni.

Sinopsis Paduka Oedipus

Raja Thebes iaitu Laius telah menerima nasihat dewata Apollo yang menyatakan bahawa seorang bayi lelaki yang dilahirkan oleh isterinya Jocasta, akan membunuh bapanya serta mengahwini ibu-nya sendiri. Untuk melarikan diri dari nujuman tersebut bayi lelaki itu telah diperintahkan supaya dibunuh. Seorang hamba abdi dari istana telah membawa bayi itu ke kawasan pergunungan di sempadan negeri dan kakinya dipaku. Bayi itu kemudiannya diselamatkan oleh seorang gembala dan membawanya ke negeri Corinth. Bayi itu diserahkan kepada rajanya iaitu Polybus. Polybus tidak mempunyai anak dan bayi itu dijadikan anak angkatnya dan diberikan nama OEDIPUS yang bererti "swollen foot" (si kaki bengkak). Di suatu pesta, seorang pemuda mabuk telah mengejek Oedipus bahawa dia sebenarnya bukan anak Polybus. Tambahan pula, apabila mendengar nujuman dewa bahawa dia akan membunuh bapanya dan mengahwini ibunya, Oedipus terus melarikan diri sehingga sampai di simpang tiga menuju ke Delphi di mana beliau terlibat dalam satu pertumpahan darah. Oedipus kemudiannya sampai ke Thebes dan berjaya menyelamatkan Thebes daripada satu malapetaka oleh Sphinx seterusnya dilantik menjadi Raja Thebes dan berkahwin dengan Permaisuri Thebes yang telah kematian suami. Satu lagi malapetaka telah melanda Thebes hingga membawa bencana kepada seluruh rakyat Thebes. Menurut khabar angin kejadian adalah akibat pembunuhan Raja Thebes di simpang tiga menuju ke Delphi. Dewata berkata pembunuh Raja Thebes hendaklah dicari untuk menghapuskan penderitaan rakyat. Pencarian bermula. Pembunuh Raja Thebes mesti dihukum. Sebagai Raja Thebes yang baru, Oedipus turut mencari jalan penyelesaian di mana akhirnya terjebak di dalam satu tragedi yang melibatkan dirinya sendiri.

Perwatakan

Watak-watak utama:

Oedipus	-	Raja Thebes
Jocasta	-	Permaisuri Thebes
Creon	-	Ipar Oedipus
Teirisiyas	-	Peramal dan ahli nujum istana

Watak-watak sampingan:

Pengutus Corinth
Gembala
Orang Istana
Pendeta (Priest) Thebes
Pengawal Istana
Antigone & Ismene - anak-anak perempuan Oedipus

Latar Belakang Watak

OEDIPUS

Merupakan watak protagonis yang menjadi tumpuan dan pusat drama ini. Oedipus adalah seorang waris raja yang dianggap tidak membawa tuah dan terbuang. Namun menjadi seorang pemuda yang paling berjaya apabila datang ke Thebes tetapi terjebak dengan tragedi di mana manusia tidak boleh melawan takdir di mana tiba-tiba pada akhir cerita ia menjadi seorang rakyat biasa yang terbuang dari negaranya. Kudrat menjadikan kedudukannya berubah hinggalah ia merupakan seorang manusia yang terlalu tua secara mental, buta secara fizikal dan terpaksa keluar dari Thebes menggunakan tongkat. Dari aspek perwatakan, Oedipus merupakan seorang yang baik, jujur, adil dan bijak. Ia mempunyai desakan untuk mencari kebenaran dan berpegang kuat pada janji yang menggambarkan ciri-ciri kemuliaan seorang insan tetapi terperangkap dengan gelumang noda dan dosa. Kelemahannya adalah cepat marah dan curiga terhadap orang lain.

JOCASTA

Jocasta merupakan isteri permaisuri kepada Oedipus dan sekaligus adalah ibu kepadanya. Jocasta digambarkan sebagai seorang isteri yang amat menyayangi suami keduanya (Oedipus), walaupun ia amat menyintai Laius dahulu. Nasibnya sering dirundung malang. Kematian suami tercinta kemudian mengahwini anaknya sendiri yang cuba dihapuskan semasa bayi juga pembunuh suaminya sendiri. Kekecewaan demi kekecewaan terus melanda apabila diketahui puteri-puteri hasil perkongsian hidup dengan Oedipus adalah di luar batas kebiasaan dan menyalahi hukum. Keaiban menanggung malu yang menimpa dirinya tidak dapat dibendung lagi melainkan dengan membunuh diri.

CREON

Beliau adalah adik kepada permaisuri Jocasta dan salah seorang yang berkuasa tinggi di Thebes. Seorang yang cerdik, tabah dan takut kepada tuhan. Ketabahan beliau dapat dikesan melalui adegan di mana beliau dituduh oleh Oedipus sebagai pembelot dan tidak taat kepada raja. Namun begitu semasa mempertahankan maruah dirinya ia masih menghormati rajanya dengan menggunakan kata-kata yang tertib. Creon juga merupakan seorang yang berhati lembut dan lantaran itu dalam episod terakhir ini Creon digambarkan sebagai seorang manusia yang sedia menerima kenyataan.

TEIRISIAS

Secara fizikal watak ini adalah seorang pejuang yang arif, bijaksana dan menjadi ahli nujum istana. Walaupun ia seorang yang buta tetapi mempunyai sikap yang berani dalam memperjuangkan prinsipnya. Dalam drama ini wataknya agak *mysterious*. Ia berada di antara dewa-dewa dan masyarakat. Ia digambarkan sebagai seorang pendita yang mengetahui segala kebenaran. Perhubungan dengan kuasa-kuasa itu sungguh *mysterious*. Beliau merupakan salah seorang yang amat dihormati oleh masyarakat Athens kecuali oleh Oedipus apabila baginda sedang marah kerana mengesyaki dia bersubahat dengan Creon untuk menjatuhkan Oedipus.

ORANG ISTANA

Merupakan watak yang menceritakan tentang keadaan Jocasta yang sering tergugat oleh situasi semasa. Orang Istana berperanan sebagai pengasuh dalam istana. Lingkungan umur bagi orang istana ini lebih kurang dalam 35 tahun dan mempunyai keperibadian yang penyabar, patuh, setia dan jujur. Orang istana adalah dari golongan bangsawan.

PENDETA

Merupakan warga tua yang mewakili orang-orang Kadmus dalam pertemuan mereka dengan Oedipus. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam hal-hal kemasyarakatan terutamanya yang berkaitan dengan penduduk Kadmus. Beliau mementingkan kebajikan orang-orang Kadmus dan amat berpengaruh di dalam kelompok masyarakat. Mempunyai hubungan yang rapat antara rakyat dan pemimpin (atasan).

ORANG CORINTH

Merupakan rakyat kota Corinth yang datang ke Thebes untuk menyampaikan berita tentang kematian rajanya iaitu Raja Polybus. Orang Corinth juga merupakan orang yang menemui Oedipus di pergunungan dan menyerahkannya kepada Raja Polybus, lalu Raja Polybus menjadikan Oedipus seperti anaknya.

KORUS

Korus merupakan peranan untuk menegaskan nilai moral dan etika hidup. Ia berkaitan dengan semua watak-watak utama dan aksi-aksi mereka. Korus ini memainkan watak sebagai wakil masyarakat dan menterjemahkan apa yang harus penonton faham. Ia menyaksikan semua aksi atau dialog drama. Mereka kemudiannya akan memberi komen mengenainya serta menimbulkan soalan-soalan yang dapat menarik perhatian penonton terhadap drama yang dipentaskan, selepas sesuatu aksi atau dialog. Sebagai penonton kita dapat merasai kehadiran watak korus ini sebelum kemasukan watak Oedipus membuang diri. Korus juga turut menderita dan bersimpati dengan protagonis dan kadangkala bertindak sebagai penasihat. Kesimpulannya korus bolehlah disifatkan sebagai mempunyai kedudukan dan kepentingan yang tersendiri dalam drama ini.

ANTIGONE & ISMENE

Merupakan anak perempuan Oedipus hasil perkahwinan dengan Jocasta. Konflik ini berlaku ketika mereka berusia di awal remaja iaitu 15-18 tahun. Watak ini muncul di pengakhiran cerita. Walaupun tanpa sebarang dialog, namun penampilan kedua-dua watak ini turut menjelaskan konflik dalaman yang mereka alami kesan dari nasib dan takdir Oedipus. Kedua-dua watak ini dapat menimbulkan *empathy* di kalangan audien tentang nasib Oedipus. Sekaligus penderitaan kedua-dua watak ini dapat ditonjolkan dengan lebih jelas apabila membaca tentang skrip Antigone.

Konsep Kostum Pementasan

Paduka Oedipus

PENGENALAN



elalui teks 'Oedipus Rex' karya Sophocles, kita dapat gambaran keadaan masyarakat dan tamadun orang-orang Greek di abad ke 5 dan ke 6 sebelum masihi. Adat resam, istiadat dan kepercayaan orang-orang Greek kepada dewa-dewa merupakan nilai-nilai kehidupan yang memainkan peranan penting di dalam kehidupan masyarakat Athens. Menurut kepercayaan mereka dewa-dewa adalah bersifat kemanusiaan dan kepadanya tempat meminta pertolongan. Dari kepercayaan yang sebeginilah wujudnya upacara-upacara ritual dimana diadakan persembahan yang memohon kepada kesejahteraan dan kesuburan. Upacara sebegini setiap tahun diadakan dan berulang-ulang dimana akhirnya upacara ritual menjadi perayaan yang mengandungi persembahan-persembahan. Bermula dari peringkat inilah masyarakat Greek mula memperkenalkan KORAL - puji-pujian berbentuk nyanyian dan lagu-lagu menghormati dewa yang dipanggil DITHYRAMB. Seterusnya pada tahun 600s.m. DITHYRAMB bertukar menjadi bentuk sastera. Ternyata di dalam persembahan-persembahan tersebut wujud elemen-elemen pementasan berupa nyanyian, tarian dan muzik juga dialog. Pertandingan-pertandingan pementasan mula diadakan di upacara ini yang melahirkan ramai penulis-penulis agung termasuk Sophocles yang telah menulis 90 drama, antaranya "OEDIPUS REX".


KONSEP KOSTUM

Meninjau peristiwa permulaan teater di Greek bermula dari tamadun kemanusiaan Greek itu sendiri, melalui pementasan Oedipus Rex yang telah dialihbahasakan oleh Samoza menjadi "PADUKA OEDIPUS" (daripada terjemahan Rendra), kami ingin mendekati cara pemakaian orang-orang Greek ketika itu. Menyulami mutu seni yang nampaknya "simple" dari cara pemakaian tetapi disebalik kesederhanaan itu mengandungi nilai-nilai artistik. Dan perkara ini hanya ditemui melalui proses pembikinan kostum yang telah dan sedang kami pergiatkan bagi tujuan pementasan. Inspirasi kami seboleh mungkin mendekati anda kepada konteks zaman ketika skrip ini ditulis iaitu zaman masyarakat Greek sewaktu Sophocles menulis "OEDIPUS REX" dipentas kami "PADUKA OEDIPUS", dalam Bahasa Melayu dan ditujukan kepada masyarakat Malaysia. Kami cuba mencari di mana pertembungan budaya Greek dan Malaysia melalui pakaian - Kostum.

Oleh itu, kostum yang akan digunakan akan memperlihatkan bentuk dan ciri-ciri asal Greek tetapi ianya akan diubahsuai mengikut keselesaan pelakon dan memudahkan seandainya berlaku pertukaran watak atau kostum. Daripada rujukan yang dilakukan, secara kasarnya elemen kostum yang ditampilkan adalah berasaskan kepada 'DRAPED COSTUMES' yang terkenal pada zaman Greek dan juga 'STEP-ON COSTUMES', juga yang digunakan pada zaman tersebut.


Kostum Dan Perwatakan

Dalam produksi ini, setiap pelakon memainkan peranan korus dan daripada kelompok korus inilah mereka tampil menjadi watak-watak penting tanpa sebarang pertukaran kostum. Berasaskan kepada konsep ini setiap watak korus yang akan tampil menjadi watak lain yang tidak perlu menukar kostum mereka. Sebaliknya perubahan karektor yang dilakukan dengan cara menambah aksesori, selendang dan keperluan-keperluan lain mengikut kesesuaian watak, berasaskan kepada kostum yang telah dipakai dari awal hingga akhir persembahan. Praktiknya, konsep kostum yang lebih ekonomik dan minimal. Sesuai dengan keperluan pelakon yang sentiasa berada di ruang pentas sepanjang persembahan.



KELENGKAPAN KOSTUM SETIAP WATAK "PADUKA OEDIPUS"



WATAK	KOSTUM	WATAK	KOSTUM
Oedipus	- Chiton - Headgear - Himation - Sandal - Brooches	Teirisias (red)	- Himation - Chiton - Headband - Sandal
Jocasta	- Himation - Peplos - Headgear - Sandal - Accessories - Belt	Orang Corinth	- Chiton - Himation - Headgear - Sandal - Accessories
Creon	- Chiton - Sandal - Himation - Belt - Headgear - Brooches	Orang Istana	- Peplos - Himation - Headgear - Sandal
Gembala	- Chiton - Himation - Sun Hat - Sandal	Pendeta	- Himation - Chiton - Headband - Sandal
		Antigone & Ismene	- Headgear - Peplos - Sandal - Accessories



Panggung Topeng (Masak)

Topeng di dalam drama Greek

Terdapat dua jenis topeng di dalam drama Greek, iaitu topeng drama komedi dan tragedi. Bagi drama komedi bentuknya seperti orang yang tersenyum. Di dalam drama tragedi bentuknya seperti orang bersedih. Penggunaan topeng di dalam drama Greek adalah untuk beberapa sebab antaranya:-



- 1) Disebabkan pementasan drama Greek dahulunya dilakukan di tempat terbuka dengan penontonnya mencapai ke angka 10 hingga 20 ribu orang, maka topeng diperlukan. Adalah menjadi satu kemustahilan bagi semua penonton untuk menikmati persembahan berkenaan. Oleh itu topeng digunakan bagi menjelaskan pandangan penonton kepada segala aksi yang berlaku di pentas. Oleh itu didalam drama Greek segala mimik muka tidak diperlukan. Ianya telah diganti dengan topeng.
- 2) Topeng di dalam drama Greek juga mempunyai satu alat untuk memperbesarkan suara pelakon. Alat ini dinamakan sebagai *Megaphone*. Alat ini yang bentuknya seperti corong dibentuk bersama dengan topeng dan terletak di bahagian mulut. Tujuannya adalah untuk memenuhi keperluan penonton untuk menikmati persembahan berkenaan.
- 3) Topeng juga digunakan untuk membezakan watak di dalam sesebuah drama. Oleh sebab itu topeng dicipta berlainan mengikut watak-watak. Namun begitu topeng bagi watak-watak korus yang merupakan wakil rakyat mempunyai bentuk yang sama.

Bagaimanapun di dalam pementasan "PADUKA OEDIPUS" yang akan dipentaskan oleh Akademi Seni Kebangsaan ini, segala peranan topeng yang digunakan di dalam drama Greek dahulunya sudah kurang pentingnya. Keadaan ini adalah disebabkan ruang lakon yang digunakan tidaklah sebesar mana (Panggung Eksperimen) yang hanya akan memuatkan penonton lebih kurang 300 hingga 400 orang sahaja. Seperkara lagi ianya dipersembahkan di tempat tertutup. Penggunaan topeng kali ini hanyalah dipakai oleh korus. Watak-watak lain di dalam pementasan ini tidak memakai topeng. Oleh itu tujuan topeng di dalam drama ini hanyalah untuk perwatakan korus sahaja di samping mengelakkan ciri-ciri drama tragedi Greek.

Watak korus yang juga wakil rakyat dipakaikan topeng adalah bertujuan untuk melambangkan keperibadian mereka. Mereka ini adalah orang yang penting bagi membuat sesuatu keputusan oleh itu mereka harus bersefahaman di dalam membuat keputusan itu. Topeng yang serupa bentuknya ini melambangkan perkara tersebut. Mereka juga tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam membuat keputusan bagi raja dan juga rakyat. Merekalah yang menjadi penghubung antara raja dengan rakyat. Warna putih yang digunakan adalah bagi melambangkan kebersihan dan kesucian mereka.

Langkah-Langkah Membuat Topeng

Langkah 1

Seorang model diperlukan. Ianya (model tersebut) dibaringkan dan bahagian mukanya didongakkan. Sapukan *baby oil* di seluruh bahagian muka model. Balutkan bahagian leher dan kepala dengan kain. Dan, kini hanya bahagian muka sahaja yang terdedah. Bahagian mukanya, diletakkan cebisan-cebisan kain yang kemudiannya disapukan *paste of paris*. Lapis demi lapis kain nipis dan kain jaring diletakkan bersama *paste of paris* ke muka model tersebut. Dan, akhirnya tunggu sehingga setengah jam selepas itu tanggalkan *paste of paris* yang telah kering itu dari muka model.

Langkah 2

Acuan yang dibuat di muka model tersebut (acuan negatif) kemudiannya dikeringkan secukupnya (sekurangnya 1 hari). Acuan ini akan diperbaiki bentuknya dengan menggunakan kemahiran tangan. Ianya akan ditambah pula dengan tanah liat. Dan bentuk acuan itu telah hilang ditutupi oleh tanah liat tetapi ianya masih menyerupai bentuk asal (bentuk muka model).

Langkah 3

Acuan yang telah siap dibentuk dengan tanah liat tersebut kemudiannya diletakkan di dalam kotak. Kotak tersebut akan dituang dengan *paste of paris*, sehingga ianya menutupi sepenuhnya acuan tersebut. Ianya kemudiannya akan dibiarkan selama sehari semalam sebelum dikeluarkan dari kotak tersebut. Selepas dikeluarkan dari kotak berkenaan, bahan tersebut dipisahkan. Maka akan terbentuklah suatu bentuk rupa seperti acuan negatif (langkah pertama) namun lebih sempurna bentuknya.

Langkah 4

Bentuk negatif yang dipisahkan dari acuannya itu kemudiannya disapu dengan vaseline. Sapuan ini harus rata dan semua bahagiannya mesti disapu. Acuan ini kemudiannya pula akan dituangkan dengan *paste of paris*. Dan, biarkan selama satu hari satu malam. Setelah cukup kering ianya akan dikeluarkan dari acuannya.

Langkah 5

Selepas dikeluarkan dari acuan tersebut maka akan kelihatanlah satu bentuk rupa manusia. Bentuk tersebut akan diperbaiki dengan menggunakan kemahiran tangan. Bahagian belakangnya akan diratakan dengan pengikir. Dan, bentuk ini akan ditebuk padanya beberapa lubang menggunakan mesin penebuk bersaiz 0.5 cm. Bentuk yang telah ditebuk itu diletakkan ke dalam *Vacum Forming Machine*. Di bahagian atas bentuk tersebut akan diletakkan plastik. *Vacum Forming Machine* akan memanaskan plastik tersebut sambil bertindak menyebutnya ke bawah melalui lubang-lubang yang telah ditebuk. Akhirnya akan terbentuk satu bentuk yang menyerupai bentuk yang asal. Dan, inilah akan digunakan sebagai topeng.

Mendekati

Pelakon

Pelajar Teater ASK



Pendukung Patah

Oedipus	:	ADLIN AMAN RAMLI SHAHRUL MIZAD
Jocasta	:	ISTINA JAFRI NORZIZI ZULKIFLI
Creon	:	MEGAT ADNAN MEGAT RIDZUAN ROSDEEN SUBOH
Antigone	:	NOOR ASZILA ABAS
Ismene	:	DOROTHY JONATHAN
Teiriasias	:	SHAHILI ABDAN
Gembala	:	WAN AZLI WAN JUSOH
Orang Corinthia	:	AZIZI MOHD SAID FAIRUZ ZAINAL ABIDIN
Pendeta	:	ROSMAN ISHAK AZIZUL ZAHID JAMAL
Orang Istana	:	JUHARA AYOB SYARUL AZLINA ISKANDAR
Pemuzik/Korus	:	THALIA TAN TECK CHIN RAJA ISKANDAR RAJA HALID KARTINI RATNA SARI SHIREEN JASIN MOKHTAR LEE MEI LING ZAH RATUL AIN SAHARI ISYAM SWARDY HJ. DAUD ERIC KOK KENG HOCK COLLEEN WONG HUEY YI HAZLI HASSAN ZAMROS HASHIM CHONG SAW FAN ABU BAKAR SULAIMAN

Selain Belakang Pelakon



ADLIN AMAN RAMLIE (Oedipus)

'Soul' arwah ayahanda dan sokongan bonda serta orang-orang hebat di Malaysia merupakan sumber inspirasinya. Mula berlakon kecil-kecilan semasa di zaman persekolahan. Bertugas selama empat tahun sebagai Artis PENTARAMA, Jabatan Penerangan Malaysia. Menubuhkan sebuah kelab teater Jabatan Penerangan Malaysia (KETARA). Melangkah ke ASK dan kemudiannya terus mengarah projek sulung Jabatan Teater dengan karya beliau sendiri iaitu ANXIETY Berlakon dalam drama arahan pelajar ASK sendiri iaitu "Teroris" dan "Main-main Bersama Teater". Penglibatannya di luar kampus, berlakon dalam drama "Itik Liar" dan "Uda & Dara in English". Turut terlibat dalam drama "Scorpion Orchid" arahan Krishen Jit dan Joe Hafsham sebagai penolong pengarah dan juga aktor. Bergerak aktif dalam program-program Jabatan Muzik ASK sebagai 'Sessionist Drummer'. Selain itu, beliau juga adalah Dalang Muda yang merupakan anak didik kepada Seniman Negara Pak Hamzah Awang Amat. Pernah menjadi dalang dalam satu persembahan 'mini' Wayang kulit di malam Puisi Utusan II.



AZIZI MOHAMAD SAID (Orang Corinth)

Mula mengenali dunia teater sejak di bangku sekolah lagi. Bakat semakin berkembang dengan melangkah ke ASK di mana menyertai drama-drama yang di buat di dalam kampus ASK. Antaranya "Anxiety", "Teroris" dan "Main-main Bersama Teater". Pengalaman di luar kampus ASK berjaya dikutip ialah bersama Ahmad Yatim dalam "Uda & Dara in English" dan bersama Krishen Jit dan Joe Hafsham dalam drama "Scorpion Orchid". Teater padanya ialah Teater adalah teater dan bercita-cita untuk menjadi orang yang 'berseni'.



AZIZUL ZAHID JAMAL (Pendeta)

"Kehidupan di dunia yang lebih kecil" itulah makna teater padanya. Menyertai pementasan di kampus ASK seperti, "Teroris" dan "Main-main Bersama Teater." Aktif dan mempunyai minat yang mendalam pada soal-soal pengurusan pentas, sound, set dan penataan cahaya; baik di dalam kampus mahupun di luar kampus. Turut terlibat dalam pementasan "Uda & Dara in English", "Puteri Ledang" dan dari segi pengurusan antaranya Malaysia Fest. Beliau berkelulusan Certificate In Insurance (General) dan mempunyai dua kertas profesional di dalam Insurance (MII), berpegang pada "Aim for achievement and never aim for success".



ISTINA JAFRI (Jocasta)

Anak jati kelahiran Johor Darul Takzim ini mula mengenali teater sejak 1986. Selain berlakon, beliau mencuba bakat dalam pengarahannya melalui pertandingan sekitar Kuala Lumpur sebelum melangkah ke ASK. Sempat memenangi tempat bagi Pelakon Wanita Terbaik tahun 1991, 1993 serta dalam pertandingan Puisi 1991 (Naib Johan), 1992, 1993 (Johan) anjuran DBKL. "Kenangan bersama Orang Kasar", "Mat Cincai", "Hasri", "Sawo", "Juara", "Talipon", "Angin Kering", "Scorpion Orchid", "Teroris", "Suara-suara Mati" "Uda & Dara" adalah antara yang menarik beliau menjadi pelakon pentas dan tenaga produksi. Baginya...bengkel, kegagalan, kejayaan, alam, masyarakat serta pengalaman adalah semangat dan aset terdekat. Hidup hanya mainan yang tidak sekadar permainan.



JUHARA AYOB (Orang Istana)

Bersungguh-sungguh, serius dan bersedia menerima apa-apa perubahan walau pun disaat-saat akhir merupakan bekalannya beliau dalam menghadapi pementasan ini. Terlibat dalam teater "Tikar Mengkuang", "Mat Som", "Di Kampung Di Kota", "Puteri Li Poh", "Puteri Ledang", "Tun Fatimah", "Uda & Dara in English" dan "Scorpion Orchid". Pernah bekerja di bawah arahan orang-orang teater yang berpengalaman seperti Dato' Syed Alwi, Prof. Dr. Rahmah Bujang dan Ahmad Yatim. Aktif dalam pementasan-pementasan di dalam kampus ASK.



MEGAT ADNAN MEGAT RIDZUAN (Creon)

Bersumber inspirasi 'Cinta dan kasih sayang', beliau mengembangkan lagi bakat yang sedia ada. Pernah terlibat dalam pementasan "Anak Tanjung", "Uda & Dara in English", "Jebat in English", "Tikar Mengkuang", "Malam Gelap Di Bukit Damansara" dan "Puteri Ledang". Banyak pengalaman dan ilmu yang diperolehi apabila bekerja di bawah arahan Dato' Noordin Hassan, Dato' Rahim Razali, Dato' Syed Alwi dan Ahmad Yatim. Padanya teater merupakan permainan dan pembelajaran.



MOHD SHAHRUL MIZAD (Oedipus)

"Teater mengajar erti kehidupan" itulah makna teater padanya. Pernah mengikuti kursus Rancangan Sijil Seni Kreatif selama setahun di Universiti Sains Malaysia (USM). Di USM terlibat dalam pementasan drama "Salina", wakil USM dalam pertandingan drama dan yang selainnya pengalaman dikutip di zaman persekolahan. Di ASK, menyertai drama-drama di dalam kampus seperti "Anxiety" dan "Main-main Bersama Teater". Turut terlibat dalam "Uda & Dara in English".



MOHD FAIRUZ ZAINAL ABIDIN (Orang Corinth)

Pendidikan awal dalam bidang teater diperolehi semasa di zaman persekolahan. Seterusnya menyambung minat melalui sebuah grup teater di Muar, Johor iaitu Grup Teater Mastika yang dipimpin oleh Zulkarim Daud. Sering mewakili grup ke pertandingan pekan teater sebagai pelakon dan juga pereka set. Menjadi salah seorang tenaga pengajar dalam lakonan bagi membimbing ahli-ahli baru. Turut mengarah dan antara kejayaannya ialah Juara bagi pertandingan "Drama Anti Dadah" selama 3 tahun berturut-turut bagi peringkat daerah (1993-1995). Naib Johan bagi pertandingan drama anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Johor (PKNJ). Selain berlakon dan mengarah, beliau yang bercita-cita untuk menjadi seorang pengarah profesional "special effect", turut aktif dan berbakat sebagai deklamator. Antara kejayaannya Juara Deklamasi Puisi Piala Abadi (1993), Juara Deklamasi Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Muar (1993-1995) dan Naib Johan Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Johor (1995).



NOOR ASZILA ABAS (Ismene)

Minat berputik apabila beliau berpeluang untuk mengarahkan dekon pada hari penyampaian di sekolah. Minat dan bakat beliau dikembangkan dengan memasuki ASK dan berpeluang untuk melibatkan diri dalam persembahan teater "Uda & Dara In English" arahan Ahmad Yatim, "Teroris" dan "Main-main Bersama Teater". Berpeluang juga untuk terlibat dalam kerja-kerja di belakang pentas yang merupakan kerjasama dengan British Council seperti "Bodyguard" (Clive Duncan), "Richard Alson Dance" (Richard Alson). Gadis Puchong yang berpegang kepada falsafah "Kematangan membawa kehancuran" ini sememangnya lebih berkecenderungan dalam kerja-kerja pentadbiran terutamanya, kerja-kerja di belakang pentas dan antara pementasan yang beliau terlibat ialah "Anxiety", "Itik Liar" dan "Puteri Lindungan Bulan".



NORZIZI ZULKIFLI (Jocasta)

Melibatkan diri dalam pementasan-pementasan drama di sekolah baik berlakon mahupun mengarah. Pada 1994 menyertai Pekan Teater Peringkat wilayah Persekutuan. Terlibat dalam "Anxiety", "Teroris" dan "Main-main Bersama Teater" yang merupakan aktiviti di dalam kampus. Di luar kampus, berlakon dalam "Itik Liar" arahan Ahmad Tarmimi Siregar. Teater padanya: *Jangan dilihat pada yang tersurat, cari pada yang tersirat.*



ROSDEEN SUBOH (Creon)

Mula melibatkan diri dalam bidang teater semasa di bangku sekolah. Untuk bergerak lebih giat lagi beliau menyertai Taman Seni Budaya, Johor. Bagi menceburi bidang teater dengan lebih serius, maka beliau melangkah ke ASK. Terlibat dalam drama drama kampus ASK seperti "Anxiety", "Teroris", "Main-main Bersama Teater" dan "KerAnna". Terlibat juga dalam "Uda & Dara in English". Selain giat berlakon, beliau berkemahiran bermain muzik Wayang Kulit seperti gedombak dan gendang serta giat membuat persembahan-persembahan wayang kulit di dalam dan di luar ASK. Baginya teks PADUKA OEDIPUS ini adalah satu keperitan dan kepayahan yang memberikan satu pengalaman.



ROSMAN ISHAK (Pendeta)

Stanislavsky dan Krishen Jit merupakan dua tokoh teater yang disanjung oleh beliau. Bermula sebagai Artis Budaya Kompleks Budaya Negara dan kemudiannya mengikut kursus Rancangan Sijil Seni Kreatif di Universiti Sains Malaysia (USM) selama setahun. Di USM, keyakinan dan minat disemai pada teater. Pementasan teater yang pernah terlibat ialah "Uda & Dara in English", "Megat Terawis" dan "Scorpion Orchid". Menganggap teks PADUKA OEDIPUS sebagai satu teks yang kompleks, sukar ditandingi dan terdapat pelbagai mesej dan "hidup" di dalamnya.



SHAHILI ABDAN (Teirisias)

Ibu, Krishen Jit, Babu, Kobo, Johnny dan hidup ini merupakan sumber inspirasi utama beliau. Beliau bermain di pentas sejak 1981. Terlibat dalam Grup Teater Aksi di Perlis sejak 1989. Pernah beraksi dalam drama "Si Pencari", "Imej Tolol", "Berpajak Di Bumi Nyata", "Anak Tanjung" dan "Jiwa". Semasa di ASK, berlakon dalam drama "Anxiety", "Teroris" dan "Cahaya". Giat mengarah. "Drama Jiwa" dan "Sel Terakhir" di Perlis manakala di ASK mengarah drama "Main-main Bersama Teater" dan "KerAnna". Selain berlakon dan mengarah, beliau aktif menulis drama seperti "Jiwa" (1992), "Sel Terakhir" (1993), "Sampah" (1994), "KerAnna" (1994) dan "Percakapan Seorang Aku" (1995). Begitu juga kini sedang menyiapkan kajian dan kertas kerja yang bertajuk 'Jiwa Di Dalam Lakonan Alternatif'.



SYARUL AZLINA ISKANDAR (Orang Istana)

Beliau yang bercita-cita untuk menjadi seniwati bintang lagenda mula meminati teater sejak berusia 10 tahun lagi. "Anxiety" dan "Main-main Bersama Teater" merupakan titik tolak penglibatannya di ASK. Terlibat dalam "Scorpion Orchid" arahan Krishen Jit dan Joe Hafsham dan berpeluang menyertai teater muzikal arahan Tiara Jaquelina (The Kit Kat Club) yang berjudul 'The Grease'. Pernah mewakili ASK dalam satu persembahan 'mini' wayang kulit pada Malam Puisi Utusan II. Beliau menganggap teks "PADUKA OEDIPUS" ini seperti *memegang api yang membara*.




WAN AZLI WAN JUSOH (Gembala)

Teks "PADUKA OEDIPUS" padanya "Suatu keadaan, suatu suasana. Suatu hal, suatu peristiwa dan suatu 'Play' ". Beliau memulakan perjalanannya dalam bidang teater dengan drama "Anxiety", "Teroris" dan "Main-main Bersama Teater". Beliau yang cenderung kepada falsafah-falsafah dan pemikiran teater ini amat menyanjung Antonin Artaud dan Jerzy Grotowski. Spekulasinya tentang teater ialah *teater adalah 'sesuatu', ada hidup dan ada musuh*.



Mereka

Di Belakang Tabir
Pementasan



Pemastautan Kreatif

Krishen Jit

Lahir 10 Julai 1939 dan mendapat didikan awal di Sek. Ren. Batu Road Kuala Lumpur sebelum ke Sek. Men. Victorian Institution. Tokoh seni yang tidak asing lagi dalam bidang teater di Malaysia ini memperolehi ijazah dalam bidang sejarah (sarjana muda Universiti Malaya dan lanjutan di Universiti California, Berkeley USA). Namun minat dan kecenderungannya lebih kepada teater. Di awal penglibatannya beliau bertindak sebagai penerbit pementasan drama Melayu seperti "Uda dan Dara" (1972) dan "Muzika Kuala Lumpur" (1973). Kemudian mengarah "Alang Retak Seribu", "Tok Perak", "Bukan Bunuh Diri" dan "Dramatari Indraputra". Beliau beralih ke teater Inggeris pada awal 80an. Antara arahannya ialah "Here and Now", "the Cord", "The Sandpit", "M. Butterfly" dan juga "Pop Opera Nagaland" di Singapura, Tokyo, Nagoya, Fukuoka dan Hong Kong. Arahannya yang terakhir "Scorpion Orchid" dan kini sedang mengusahakan "Work".

Terkenal sebagai penulis teater dengan gelaran Uti, Krishen adalah pemerhati dan pengkritik teater yang disegani. Bukunya Membesar Bersama Teater menunjukkan beliau adalah tokoh yang tidak pernah tidak terlibat di dalam perkembangan teater di Malaysia. Pernah mendapat anugerah biasiswa Fullbright dan Asia, East-West Centre, Universiti Hawaii Honolulu dan American Council of Learned Societies. Kini setelah bersara dari menjadi pensyarah di Universiti Malaya, beliau mengetuai pula Jabatan Teater Akademi Seni Kebangsaan.

Penolong Penerbit

Rosminah Mohd. Tahir

Berpendapat teater mengajar manusia tentang kemanusiaan dan kerja-kerja teater bukan semudah tirai dibuka atau sesenang tirai dilabuh. Bekas guru dan pernah bekerja sebagai penolong pengurus perjawatan serta pengurus produksi. Penerbitan drama TV menjadikannya percaya hanya disiplin akan dapat memperkuat ketahanan diri dalam melaksanakan kerja-kerja teater. Beliau juga aktif menulis drama radio semasa menjadi mahasiswa di USM P. Pinang dan mengarah teater semasa di Johor tempat kelahirannya. Arahannya yang terbaru ialah CUCU dan skripnya yang terkini berjudul "Gadis Melayu" telah mendapat hadiah pementasan kreatif terbaik di dalam Pertandingan Kesenian Antara Kementerian Sempena Hari Kebangsaan 1995. Tugasnya sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Teater ASK, menjadikan beliau orang yang begitu komited di dalam projek "PADUKA OEDIPUS".

Pengurus Produksi

Zaifri Husin

Berlakon dan mengarah dengan bekerja sebagai Penolong Pengarah di ASK adalah dua kerja yang berbeza baginya. Yang satu memerlukan kreativiti dan satu lagi mengikut peraturan dan arahan. Namun kedua-duanya memerlukan keseriusan dalam mengejar *date line*. Baginya ketepatan waktu dan ketepatan tindakan merupakan ciri yang membawa kesempurnaan. Memiliki ijazah dalam perfileman, pengurusan teater adalah bidang baru baginya, tetapi pengalaman menyertai aktiviti teater di kampus USM membolehkannya diberi kepercayaan mengarah "Gadis Melayu" dan berlakon dalam teater "Cucu" serta muncul dalam sitcom TV "Cam Ni Cam Tu". Lebih terkenal sebagai pendiklamator puisi dan minat dalam bidang nyanyian, Zaifri Husin menganggap kesilapan bukan bererti kegagalan tetapi adalah cabaran untuk kejayaan.

Penolong Pengarah

Mohamad Najib Hj. Md. Nor

Ketua Kursus dan Pensyarah Kanan Kursus Senireka Fesyen Kajian Seni Lukis dan Seni Reka ITM, Shah Alam ini dilahirkan pada 26hb. September 1952 di Kelantan. Pendidikan awalnya bermula di Al Madrastul Wastaniah, Kelantan dan Kolej Islam Kelang, Selangor. Setelah tamat SPM, beliau meneruskan pelajaran di Institut Teknologi MARA dalam Diploma in Art and Design dan California Institute Of The Arts, Valencia, USA. Banyak mengutip pengalaman mengenai fesyen semasa berada di University of Southern California, USA.

Beliau banyak menyumbangkan tenaga kreatifnya di pelbagai pementasan teater, filem dan TV sebagai pengarah seni dan pereka kostum. Antaranya dalam teater "Pandanglah Lihatlah", "The Misunderstanding", "Ribu", "Perhiasan kaca", "Musuh Rakyat", "Kipas Tangan", "Dendang Merdeka", "Maria", "Rumah Kecil Tiang Seribu", "Irama Dendam", "Mahkamah Keadilan", "The Miser", "Norm And Ahmad", "Sirih Bertepuk Pinang Menari", "Titian", "Musical Poetic Theatre", "Rumah Ku Dunia Ku" dan "Raja Perita Doria". Sementara dalam bidang perfileman pula beliau terlibat sepenuhnya melalui "American Wilderness", "The Part", "That Darn Bear", "Goodbye Soldier", "Mother Courage", "Time", "Space" and "Mr. Shapira" dan "Something Old Something New".

Kumpulan teater Centre Stage yang juga diterajunya bersama Normah Nordin dan Drama Centre pimpinan Allahyarham Mustafa Nor adalah tempatnya yang akrab untuk berkarya. Pernah menjadi Ketua Pengadil dalam National Fashion Competition dan Busana Wanita Moda 1991. Seringkali memberikan ceramah di seminar yang diadakan samada dalam negara mahupun di luar negara. Kini walaupun sibuk dengan jadual harian sebagai pensyarah di ITM dan ASK, beliau masih sempat mendekati diri dengan kumpulan rakan muda dan badan-badan kebajikan yang memerlukan khidmatnya.

Pengarah Paduka Oedipus

Zahim Shahrudin Albakri

Zahim Shahrudin Albakri dilahirkan pada 12 Januari 1963. Mendapat didikan formal dalam bidang teater daripada The Academy of Live & Recorded Arts di London dan telah bergiat cergas di arena teater sedari remaja lagi. Peter Brook adalah tokoh teater yang menjadi inspirasinya dalam dunia lakon dan sejauh ini beliau telah berlakon dalam drama "Scorpion Orchid", "Skin Trilogy", "As Is", "A Midsummer Night's Dream", "Edward II", "Romeo and Juliet" dan "For The Time Being".

Penglibatannya dalam teater bukan sebagai pelakon semata-mata tetapi turut memperkayakan pengalaman melalui kerja-kerja di belakang pentas hingga menjadi pengarah dan penerbit. Antara drama-drama arahnya "Solo", "Carlsberg Conversation", "Puppets", "Gold Rain and Hailstones", "Death And The Maiden", "Deena - The Food Lover" dan "Black Comedy".

Bagi Zahim, teater merupakan satu alam seni yang menguji daya kreatif manusia dan berupaya memberi perlambangan dunia secara realiti dan fantasi. Melalui teater manusia dapat dididik, dipengaruhi dan dihiburkan samada dari aspek emosi, fizikal dan mental seperti yang diperolehinya melalui arahan yang sedang diusahakannya "PADUKA OEDIPUS".

Kata Zahim, Oedipus bukan sahaja dapat menunjukkan konsep tragedi teater Greek yang mantap tetapi juga merupakan teks yang mengajar erti manusia dan kemanusiaan, kekuasaan dan kehancuran. Karya ini menjadi penting dan terkenal kerana meminta pembaca dan penonton berfikir di mana zaman sekalipun. Melihat Oedipus adalah melihat tamadun manusia dan pengalaman tentang teater Greek yang tidak diketahui di Malaysia.

Zahim juga menjadikan projek pementasan "PADUKA OEDIPUS" ini sebagai proses memahami dan mengetahui tentang asal-usul teater itu sendiri kepada pelajar-pelajarnya di Akademi Seni Kebangsaan. Mengambil maklumat yang diketahui dari tamadun Greek dari segi pementasan (contohnya set, kostum dan lakonan) menggunakannya sebagai asas pementasan sebagai satu eksperimen-tasi. Zahim percaya melalui latihan dan mempelbagaikan bentuk lakonan teater dapat menghasilkan satu pementasan yang unik dan proses ini dapat membantu pelajar-pelajarnya mendalami ilmu teater.

Pereka Tatacahaya

Prof. Dr. Mohamed Ghouse Nasaruddin

Lahir pada 24hb. September 1943 dan berasal dari Pulau Pinang. Sebelum memegang jawatan pensyarah beliau pernah menjadi guru di Sekolah Menengah Abdullah Munshi selama lima tahun dengan Diploma Pendidikan (Universiti Malaya). Pada tahun 1994 dianugerahkan jawatan Profesor dari Universiti Sains Malaysia. Beliau juga memperolehi pengalaman ketika belajar di Indiana University, USA dengan kelulusan Sarjana Sastera (1972) dan Doktor Falsafah (1979).

Penglibatan beliau dalam bidang seni meliputi seni tari, muzik, pengarah, pereka artistic, penulisan skrip, essei, kritikan dan turut juga beraksi dalam persembahan-persembahan teater. Beliau merupakan perintis teater "happening" yang sering dibawa keliling keseluruhan Malaysia juga Brunei dan Singapura. Antaranya ialah "Pi Ku Ta", "Lurus Berlaku Naik Turun dan Berputar Belit", "Menongkat Dunia", "Mengharap Bulan", "Tempayan Ajaib", "Nanamun Mentanani", "Periuk Nasi", "Semandin", "Antupala", "Kabur", "Lion-Lion" dan banyak lagi. Pada kesemua karyanya beliau adalah penulis skrip, pengarah, pelakon dan membuat sendiri penataan cahaya. Pernah juga terlibat dengan teater arahan Seniman Negara Noordin Hassan seperti "Anak Tanjung" dan "Sireh Bertepuk Pinang Menari". Kepakaran beliau dalam teknik penataan cahaya menyebabkan beliau sentiasa dipanggil memberi khidmat di luar USM seperti musical "Mat Som", "US", dan "program-program Tahun Melawat Malaysia".

Aktif menulis mengenai kesenian dan kebudayaan. Antara yang telah diterbitkan "Masyarakat Pandang Rendah Tarian Melayu", Dewan Masyarakat, March 1974, "Muzik Etnik Melayu", "Manusia Dan Syaitan", "Muzik Wayang Jawa", Dewan Budaya, March 1980, "Malay Dance," A Report on Workshop for ASEAN Choreographers, Ministry of Culture, Singapore, Mac 1980, "Trance Dance", journal of Southeast Asian Literature, 1981, "Muzik Tradisi Melayu", Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989 dan lain-lain lagi.

Peretaka Muzik

Thalia Tan Teck Tching

Thalia Tan Teck Tching dilahirkan pada 25b. Jun 1974 di Kuching Sarawak. Mula menceburi bidang muzik pada usia 5 tahun dengan menumpukan perha-tian dalam permainan piano klasikal. Telah tamat grade 8 Theory Of Music (A.B.R.S.M.) dan Performance Certificate dalam Praktikal Piano. Kini menjadikan popular piano di bawah bimbingan En. Micheal Veerapan sebagai pilihan pertama untuk memenuhi syarat pengajian di Jabatan Muzik Akademi Seni Kebangsaan dan vokal sebagai pilihan kedua di bawah gurunya En. Chan Seng Tiang.

"PADUKA OEDIPUS" adalah penglibatan pertama beliau bersama pelajar-pelajar teater dan bertanggungjawab sebagai pengarah muzik. Sepanjang latihan "PADUKA OEDIPUS" beliau berpuas hati kerana mendapat kerjasama yang baik daripada para pelajar teater dan muzik serta pensyarah yang saling memahami. Peluang yang diberikan adalah laluan baginya untuk mengejar cita-citanya menjadi penggubah lagu suatu masa nanti.

Suhaimi Magi

Tokoh seni ini dilahirkan pada 18hb. Julai 1957. Berasal dari Sabah. Bakat seni yang sedia mengalir dalam dirinya telah mendorong beliau mendalami ilmu kesenian di Institut Kesenian Jakarta pada tahun 1988 dengan mendapat kelulusan Ijazah Sarjana D4. Kini beliau berkhidmat dengan Akademi Seni Kebangsaan sebagai Penolong Pengarah dan pensyarah di Jabatan Tari.

Suhaimi pernah menyepikan diri dari dunia seni selama 5 tahun selepas menghasilkan "Teku Teku", (1975), kemudian "Sastera", (1976). Namun kehilangannya yang seketika itu bukanlah penamat bagi dirinya untuk berkarya. Beliau kembali aktif dalam bidang seni pada tahun 1982 dengan kerja kreatif yang lebih memberangsangkan. Hampir setahun tahun beliau berpeluang menghasilkan kreografi tari antaranya "Lorong B", "Atip", "Darulfana", "Samsara", "Pendamaian", "Nazih", "Alif", "Kesyukuran", "Ceritanya tetapi Anugerah", "Sapu Tangan", "Depok", "Legenda Puteri Orkid", "Berasik", "Serkam", "Titian", "Titik", Atur dan "Tapak-Tapak". Masih mempunyai simpanan "Sari Ku" (belum dipentaskan).


Kecemerlangannya dalam menghasilkan koreografi yang melambangkan kese-nian dan kebudayaan Malaysia membawanya menjelajah ke Indonesia, Korea, Jepun, Amerika Syarikat dan lainnya. Sebagai menghargai sumbangannya itu, pada tahun 1991 beliau dianugerahkan sebagai Tokoh Tari Negeri Sabah, manakala pada tahun 1987, dianugerahkan sebagai Mahasiswa Contoh Dan Teladan oleh Duta Besar Malaysia di Indonesia. Bagi Suhaimi, pekerja seni bukan dimatangkan oleh cerita-ceritanya, tetapi oleh daya kreativiti yang menghasilkan karyanya.

Juru Vokal

Leow Puay Tin

Leow Puay Tin pensyarah vokal di Akademi Seni Kebangsaan. Beliau juga merupakan seorang penulis skrip, journalist dan pelakon teater yang mempunyai kewibawaan tersendiri. Mendapat latihan baik di Central School Of Speech And Drama sebagai guru vokal untuk British High Commissioner's Award (1989-1990). Memperolehi ijazah (M.F.A.) dalam penulisan skrip daripada University Of Hawaii dengan pembiayaan East-West Scholarship (1985-1987). Antara hasil karyanya yang telah dipentaskan ialah "A Modern Women (called Ang Tow Mui)" di mana beliau sebagai penulis dan sekaligus pelakonna di bawah arahan Krishen Jit.

Terlibat sama dalam "Three Children", "Emily Of Emerald Hill" dengan Five Arts Centre dan "Tikam-Tikam". Bagi Puay Tin, seharusnya bilangan teater Malaysia semakin bertambah dengan melipatgandakan bengkel-bengkel persembahan dan pelbagai bentuk percubaan dalam kerja-kerja teater. Penggiat-penggiat teater sepatutnya berani mencuba sesuatu yang baru untuk mendekati khalayak. "Namun menyedihkan untuk perkembangan teater di sini kerana setiap individu bermula dari penulis dan penonton mengharapkan kesempurnaan dalam persembahan pertama. Walau bagaimanapun di satu pihak, golongan penggiat teater tetap mencuba dan mencuba sehingga menemui titik kesempurnaan ..."



Penghargaan

Kementerian Kewangan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Panggung Negara
Pasar Seni (Central Market)
Pelajar-pelajar Diploma Fotografi
Kajian Seni Lukis & Seni Reka ITM Shah Alam
Institusi Pengajian Tinggi dan Sekolah-sekolah yang
terlibat
Semua Pensyarah, Penyelaras & Pelajar ASK
Media Massa
RTM
TV3
Akhbar-Akhbar Tempatan
dan setiap individu yang membantu menjayakan
pementasan
PADUKA OEDIPUS

Pementasan Akan Datang

**BANGSAWAN:
RAJA ANDAK
RAJA LAKSAMANA**

8 - 11 OGOS 1996 - DBKL

Terima Kasih

